

Headline **UiTM gerak kempen Kampus Hijau**
Date **31 Mar 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **193 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,094**
PRValue **12,282**



SAHOL HAMID (dua dari kanan) mengibarkan bendera ketika melepaskan peserta pertandingan mencari harta karun di FRIM.

FARIZ ISWADI/ISMAIL | BERITA HARIAN

UiTM gerak kempen Kampus Hijau

KEPONG: Bermula Januari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menggerakkan kempen kesedaran kalangan warganya sama ada di kampus induk mahu pun cawangan bagi merealisasikan hasrat menjadikan institut pengajian tinggi (IPT) itu sebagai Kampus Hijau, Jun ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Sahol Hamid Abu Bakar, berkata usaha berkenaan sejajar matlamat UiTM memupuk sikap bertanggungjawab kalangan mahasiswa terhadap kepentingan mengawal dan memelihara alam sekitar.

"Biarpun ramai mengetahui kepentingan penjagaan bumi, ada antara kita masih kurang peka dan sedar penjagaan serta pemuliharaan ini bukan hanya tergalas di bahu kerajaan, pihak berkuasa tempatan

(PBT) dan syarikat pembersihan sebaliknya tanggungjawab semua.

"Sebagai permulaan, kita menggandakan kempen kesedaran bergerak sebelum memperkenalkan polisi baru berkaitan konsep Kampus Hijau termasuk mengaplikasikan program kitar semula," katanya selepas pelancaran Go Green di Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini.

Kempen yang diadakan sempena sambutan Hari Hutan

Sedunia itu dianjurkan dengan kerjasama FRIM dan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) yang turut bertujuan menyemarakkan rasa cinta peserta terhadap pokok dan alam sekitar membabitkan penyertaan semua lapisan usia.

Antara aktiviti dilaksanakan pada program sehari itu ialah pencarian harta karun di hutan simpan, pertandingan mewarna, peraduan melukis selain sesi beramah mesra dengan warga emas yang diundang khas memeriahkan acara.

Sementara itu, Sahol berkata, kempen kitar semula dijadikan agenda utama memandangkan keberkesanan program terbabit dalam meminimumkan pembuangan sisa pepejal tambahan pula UiTM mempunyai 12 cawangan dengan 14,000 penuntut.

